

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96

Mac/April 1996

HFA 101 Pengantar Falsafah

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI SEMBILAN (9) SOALAN DI
DALAM DUA (2) HALAMAN.

Jawab EMPAT (4) soalan. Anda mesti menjawab sekurang-kurangnya SATU (1)
soalan daripada setiap Bahagian A, B dan C dan SATU (1) lagi soalan daripada
mana-mana bahagian.

Setiap bahagian mestilah diikat berasingan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

Bahagian A

1. Sesuatu perbuatan itu adalah moral bukan kerana ia membawa faedah kepada diri kita, ataupun ia membawa kesan-kesan yang diinginkan. Sesuatu perbuatan itu dianggap moral jika ia dilakukan atas sebab nilai perbuatan itu sendiri (an action which is done for its own sake). Bincangkan.
2. Perbezaan antara fakta dan nilai adalah sesuatu yang amat penting dalam bidang etika. Kita harus sedar bahawa fakta-fakta mengenai moraliti (moral facts) tidak wujud dan penilaian moral tidak terdiri daripada pernyataan-pernyataan deskriptif. Penilaian moral lebih merupakan arahan (commands) atau mungkin pernyataan yang menggambarkan sikap kita. Bincangkan.
3. Emosi mempunyai peranan tertentu dalam moraliti dan emosi kita patut diambil kira untuk menentukan sama ada perbuatan kita betul atau pun tidak dari segi moral. Ini bererti moraliti bukan hanya melibatkan fakulti penaakulan kita. Bincangkan.

.../2

Bahagian B

4. "Atman dan Brahman adalah satu kesatuan (unity)". Bincangkan pernyataan ini dari sudut pandangan aliran-aliran utama dalam falsafah Vedanta.
5. Ajaran Buddha yang berpusar di sekeliling masalah kesengsaraan dalam kehidupan manusia dan cara-cara bagaimana ianya boleh diatasi, lebih menekankan dan mementingkan aspek yang berkaitan dengan tindakan manusia dan persoalan moraliti daripada isu-isu metafizik. Bincangkan.
6. Nirvana hanya boleh diperolehi apabila semua keinginan manusia telah dihapuskan. Bagaimanakah nirvana boleh diperolehi tanpa menginginkannya?

Bahagian C

7. Huraikan dengan kritis perhubungan beberapa komponen asas di dalam pemikiran falsafah Islam. Dengan merujuk kepada perhubungan tersebut, apakah kedudukan dan peranan epistemologi Islam menurut pendapat al-Ghazali.
8. "Persoalan manusia dan alam semesta merupakan salah satu tema pokok yang dominan diperkatakan oleh ahli falsafah Islam. Justeru manusia adalah manifestasi dan kombinasi daripada seluruh kejadian alam semesta." Analisis petikan di atas dengan merujuk kepada pandangan Ibn Rushd dan Ibn Sina.
9. Dengan menggunakan pendapat al-Farabi sebagai asas pemikiran anda, apakah pandangan beliau terhadap konsep ontologi dalam hubungannya dengan konsep aksiologi dalam konteks perhubungan dengan ketuhanan.

--oo000oo--

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96

Mac/April 1996

HGA 101 Pengantar Geografi

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM (6) SOALAN DI
DALAM LAPAN (8) HALAMAN.

Jawab SEMUA soalan dalam Bahagian A dan TIGA (3) soalan dalam Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. Dengan ringkas huraikan perkara-perkara berikut:

[a] konstituen tanah

(3 markah)

[b] cuaca dan iklim

(3 markah)

.../2

[c] lapisan ozon

(3 markah)

[d] serapan atmosfera

(3 markah)

[e] tekstur tanah

(3 markah)

.../3

2. Dengan ringkas huraikan hubungan elemen-elemen berikut:

[a] permintaan dan harga

(2 markah)

[b] permintaan dan jarak

(2 markah)

[c] jumlah berat bahan mentah dan berat hasil keluaran

(2 markah)

.../4

[d] isodapane dan isodapane kritikal

(2 markah)

[e] Huraikan secara ringkas dan beri contoh:

[i] ekonomi perkelompokan dalam teori lokasi industri Weber

(3 markah)

[ii] barangan peringkat tinggi dalam teori Petempatan Pusat Christaller

(2 markah)

.../5

3. Apakah yang dimaksudkan dengan konsep-konsep berikut:

[a] paradigma

(2 markah)

[b] hipotesis

(2 markah)

[c] model

(2 markah)

[d] teori

(2 markah)

[e] Apakah perbezaan di antara geografi tradisional dengan geografi moden dari segi:

[i] struktur

(2 markah)

[ii] kaedah

(2 markah)

.../7

BAHAGIAN B

4. **SAMA ADA**

- [a] Huraikan ciri-ciri utama empat kawasan iklim dunia yang diterima pakai sekarang ini.

(20 markah)

ATAU

- [b] Terangkan dengan jelas lima paras rantaian makanan yang terdapat dalam suatu ekosistem.

(20 markah)

5. **SAMA ADA**

- [a] Dengan merujuk kepada Teori Petempatan Pusat, bincangkan bagaimana saiz pasaran mempengaruhi struktur petempatan.

(20 markah)

ATAU

- [b] Sejauhmana Teori Lokasi Industri Weber menepati lokasi sebenar industri di Malaysia.

(20 markah)

.../8

6. SAMA ADA

- [a] Bincangkan bagaimana konsep organisasi ruangan dan hubungkait manusia-alam sekitar boleh digunakan untuk kepentingan manusia. (20 markah)

ATAU

- [b] [i] Apakah yang dimaksudkan dengan konsep wilayah? (5 markah)
- [ii] Dengan justifikasi yang munasabah bahagikan kawasan Semenanjung Malaysia kepada beberapa wilayah ekonomi. (15 markah)

--ooo000ooo--